



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

### IKLAN BILANGAN 1/2023 JAKIM

## PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19 (*CONTRACT OF SERVICE*) SEBAGAI PEMBANTU TAKMIR

Taraf jawatan : **Kontrak (*Contract of Service*)**  
Bayaran Gaji : RM1,352.00 Minima  
RM4,003.00 Maksimum  
Penempatan : Melaka (1 kekosongan)

### DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perkeranian berkaitan pengurusan program takmir di masjid, surau dan agensi lain antaranya menguruskan pembayaran elaun guru takmir, menyelenggara data/ rekod/ fail/ dokumen guru dan program takmir.

### SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00)**; atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40)**; atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)**
  - iv. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Keutamaan:

1. Memiliki sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan hal ehwal Islam, pentadbiran dan/ atau kewangan.

## PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dimohon yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMOHON

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan **secara atas talian** melalui sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) di alamat dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat: <http://spa9.spa.gov.my>.
2. **Panduan Pemohon:** Pada **Menu Jawatan Yang Dimohon**, sila pilih **Lantikan Kontrak/ Tetap (Bukan Lantikan SPA)**. Pilih jawatan yang ingin dimohon seperti iklan di atas.
3. Alamat untuk surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon pemohon untuk dihubungi hendaklah tepat, terkini dan masih aktif.
4. Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
5. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
  - Seksyen Jawatan Kontrak & Pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM  
☎ 03-8870 7684 / 03-8870 7685 / 03-8870 7697

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**13 APRIL 2023 (KHAMIS), JAM 11.59 MALAM**